

# UniKL Mestech Science Challenge tingkat kemahiran STEM pelajar


Universiti Kuala Lumpur Institut Teknologi Sains Perubatan (UniKL Mestech) baru-baru ini telah menganjurkan pertandingan *Science Challenge* yang memasuki tahun ketiga dan berjaya menarik minat sekolah-sekolah kluster kecemerlangan, berprestij tinggi dan sebagainya apabila 14 sekolah menengah menyertainya.

Ia sekali gus mempromosikan pengalaman interaktif dalam bidang sains dan menggalakkan penerokaan saintifik dalam kalangan pelajar sekolah.

Idea untuk menjayakan program ini dicetuskan pensyarah UniKL Mestech sendiri, Khairul Nizam Mohd Isa, Mohd Rusdan Yusof dan Norehan Mazlan dari Jabatan Pemasaran dan Kemasukan Pelajar berserta beberapa sukarelawan. Ia tidak hanya menguji

pengetahuan peserta, tetapi menguji daya kreativiti, penyelesaian masalah, kerja berpasukan dan tahap kepimpinan pelajar.

Menurut Khairul, program ini pada mulanya direka tiga tahun lalu sebagai strategi promosi untuk memperkenalkan institut serta program yang mereka tawarkan kepada guru sekolah, kaunselor dan pelajar, tetapi kini telah membuka ruang kepada UniKL untuk menyumbang ke arah pembentukan pelapis baru yang berbakat dalam bidang STEM (sains,



Para peserta bergambar kenangan setelah tamat program *Science Challenge*.

teknologi, kejuruteraan dan matematik). Program ini juga memberi peluang pelajar meneroka kursus yang dijalankan di peringkat universiti dan memberi pengalaman berharga kepada pelajar merasai sendiri pengalaman belajar di makmal penyelidikan universiti.

Pertandingan ini dibahagikan kepada tiga kategori; sains & kuiz IQ, praktikal makmal dan inovasi. Dalam cabaran terakhir, peserta ditugaskan untuk membina struktur *marble run* dalam masa dua jam, yang mana sebiji guli dapat bergerak dengan lancar melalui struktur tersebut dari awal hingga akhir. Walaupun kelihatan mudah, cabaran ini menguji kreativiti dan kemahiran kejuruteraan peserta dengan

mengaplikasikan prinsip-prinsip fizik seperti geseran dan graviti ke dalam model mereka.

Ketua Penyelidikan dan Inovasi UniKL Mestech, Dr. Izuddin Fahmy Abu, menyatakan kekaguman beliau dengan tahap inovasi yang dipamerkan oleh para peserta terutamanya dalam cabaran inovasi, yang mana peserta menunjukkan kreativiti luar biasa dalam membina struktur model yang kompleks tetapi berfungsi sepenuhnya.

"Bilangan pasukan yang menyertai pertandingan ini meningkat dari tahun ke tahun, begitu juga dengan kecemerlangan yang ditunjukkan oleh para peserta," katanya.

Pada tahun ini, SMK Tinggi Kajang

berjaya merangkul trofi juara dan hadiah wang tunai bernilai RM1,000 selepas mendahului dua daripada tiga kategori pertandingan itu. Tempat kedua SMK Jalan Empat, Bandar Baru Bangi yang menerima RM600 dan trofi, manakala SMK King George V, Seremban memenangi hadiah RM400 dan trofi di tempat ketiga. Sekolah lain yang turut bertanding adalah SMK Bandar Tasik Selatan, Sekolah Menengah Seri Puteri, SMK Jalan Tiga, SMK Convent (M) Kajang, SM Sri Al-Amin Bangi, SMK Kajang Utama, Kolej Tunku Kurshiah, SMA Persekutuan Kajang, SMK Bandar Rinching, SM Sains Perempuan Seremban dan SMK Cheras Jaya.

## Info Angka

- Melibatkan **14** buah **sekolah** menengah
- Juara mendapat **wang tunai RM1,000**